



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**TATACARA PELUPUSAN BAHAN KERJA KURSUS (KK) STPM**

1. Bahan kerja kursus STPM terdiri daripada yang berikut;
  - (i) Bahan Penulisan/Portfolio : Penulisan berformat atau esei untuk melaporkan sesuatu tugas
  - (ii) Bahan Maujud (artifak/hasil karya) : Hasil karya atau bahan visual yang dihasilkan melalui bahan kanvas, kain, kertas, papan, arca, ukiran kayu, logam dan sebagainya.
  - (iii) *Soft copy* : Bahan yang disimpan dalam disket, *CD*, atau *pen drive*
2. Bahan-bahan kerja kursus STPM adalah milik Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).
3. Pihak sekolah perlu melaksanakan proses pelupusan selepas 6 bulan daripada tarikh pengumuman keputusan peperiksaan STPM bagi tahun semasa.
4. Pihak sekolah akan dihubungi sekiranya bahan kerja kursus sekolah tersebut diminta untuk dijadikan contoh standard oleh MPM. Bagi sekolah yang dikenalpasti, proses pelupusan hanya boleh dijalankan selepas bahan kerja kursus tersebut diambil oleh MPM.
5. Semua bahan kerja kursus tersebut hendaklah dilupuskan seperti yang berikut:
  - (i) Jika bahan kerja kursus tersebut hendak dilupuskan melalui pembakaran, pihak sekolah hendaklah mengikut garis panduan pembakaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.
  - (ii) Jika bahan kerja kursus tersebut hendak dilupuskan secara dimusnahkan, maka borang pelupusan hendaklah dilengkapi dengan mencatat tarikh dan tempat dibuang/dimusnah serta ditanda tangani oleh Pegawai yang bertanggung jawab.
  - (iii) Pihak sekolah atau Pegawai yang bertanggung jawab hendaklah memastikan markah yang tercatat pada bahan-bahan kerja kursus tersebut turut dihapuskan tanpa tercicir.
6. Proses pelupusan bahan kerja kursus ini mesti dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan kawalan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Penilaian dan Peperiksaan) dan/atau Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Penilaian dan Peperiksaan).
7. Borang Pelupusan Kerja Kursus STPM hendaklah diisi dan ditanda tangani apabila proses pelupusan hendak dilaksanakan oleh pihak sekolah (sila lihat borang yang dikepilkkan [BPKK/STPM/14](#)).
8. Satu salinan borang pelupusan ini mesti dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET), dan Pejabat Pendidikan Daerah (u.p. Unit Penilaian dan Peperiksaan) serta pemakluman kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor Penilaian dan Peperiksaan) dan satu salinan mesti disimpan dalam fail Pengurusan Tingkatan Enam dan fail induk Kerja Kursus STPM sekolah sebagai rekod.